



Liga Perdana Inggeris

Nunez perlukan bantuan rakan

VIENNA - Pengendali Liverpool, Jurgen Klopp sekali lagi terpaksa tampil mempertahankan penyerangnya, Darwin Nunez selepas skuad kendaliannya mengalami kekalahan 0-1 kepada Salzburg pada aksi terakhir persahabatan pramusim.


Bintang dari Uruguay berusia 23 tahun itu diberi tempoh 45 minit di babak pertama, namun di sebalik penguasaan yang dipamerkan sepanjang perlawanan, *The Reds* masih gagal menjelmakan sebarang jaringan.

Pengurus dari Jerman itu berkata, Nunez tidak boleh berseorangan dan memerlukan bantuan rakan sepasukan untuk menghantar bola kepadanya di dalam kotak penalti.

"Terutamanya di babak pertama, majoriti pemain perlu membiasakan diri dengan apa yang kami lakukan. Darwin sering berkeseorangan apabila pemain lain turun ke bawah untuk mencipta gerakan dan hanya sekali bola mampu dihantar kepada Darwin di dalam kotak penalti.

"Ada ketikanya dia hampir menjanginkan gol, tetapi dia sebenarnya masih memerlukan sokongan daripada orang sekelilingnya. Ia bukan keputusan yang baik, tetapi kami perlu ambil pengalaman ini dan segera lupa-kan kekalahan," katanya.

Pada perlawanan di Red Bull Arena itu, jaringan tunggal daripada Benjamin Sesko pada minit ke-31 sudah cukup untuk menghadihkan kemenangan buat



NUNEZ dilihat berdepan kesukaran untuk menjalankan tugasnya sebagai penyerang ketika aksi menentang Salzburg. - TWITTER LIVERPOOL

Salzburg.

Dalam masa sama, Klopp juga kurang gembira dengan kekasaran dilakukan pemain tuan rumah dan menyifatkan Salzburg beraksi dengan cukup bersemangat untuk meraih kemenangan ke atas Liverpool.

"Bagi Salzburg, ia bukan aksi persahabatan. Mereka melaku-

kan kekasaran, namun kami tetap menghormatinya kerana mereka sudah lakukan sehabis baik.

"Kadang-kadang saya tidak begitu suka dengan asakan seperti itu tetapi saya tiada masalah kerana tidak ada apa-apa (kecederaan) yang berlaku," jelasnya. - AGENSI